

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Jumaat, 12 Mac 2021 9:00 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 'Coffee & Chat' Dedah Isu Jenayah Narkotik Mengikut Undang-Undang




UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

12 MAC 2021 / 28 REJAB 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: Executive Education and Professional Development (EPPD)

'COFFEE & CHAT' DEDAH ISU JENAYAH NARKOTIK MENGIKUT UNDANG-UNDANG



UUM ONLINE: Isu jenayah narkotik perlu diberi pendedahan awal kepada setiap lapisan masyarakat supaya perlakuan jenayah ini dapat diatasi di peringkat akar umbi. Pendedahan umum terhadap undang-undang seharusnya dapat melindungi diri daripada sebarang ancaman jenayah.

Pengasas Coffee & Chat, Dr. Saralah Devi a/p Mariamdaran berkata, siri perbincangan seperti itu memberi ruang kepada pengajaran dan pembelajaran berkaitan Sains Koreksional terutamanya dalam aspek undang-undang dan jenayah.

"Penerangan ini mampu melindungi mereka termasuk mengetahui hukuman pesalah laku berkekaan, selain mencari kaedah pencegahan jenayah, cara-cara berhadapan dengan penjenayah dan apa yang patut mereka lakukan jika jenayah itu berlaku", katanya pada siri *Coffee & Chat*: Siri Jenayah Narkotik: Keadilan Mengikut Undang-Undang, baru-baru ini.

Perbincangan siri itu merumuskan bahawa '*For ones to live in the society; fear, responsibility and accountability is a must*'. Justeru, hukuman-hukuman berbentuk penjara, denda dan saman merupakan teknik-teknik berbentuk rawatan atau intervensi (koreksional) untuk mewujudkan masyarakat yang sejahtera dan berdisplin.

Program ini memasuki tahun kedua anjuran Executive Education and Professional Development (EPPD) dengan kerjasama pelajar Sarjana Sains Koreksional di Kampus Sintok dan Kuching, Sarawak.

Hadir sama sebagai ahli panel ialah Peguambela & Peguamcara, Dato' Naran Singh dan Pegawai Kastam Diraja Malaysia, Nor Ain Zainuddin.

Program ini disertai kira-kira 100 peserta termasuk 70 peserta secara atas talian yang terdiri daripada pelbagai badan beruniform seperti Jabatan Penjara Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan pelajar serta staf UUM.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.